

Newspaper  
Date

Berita Harian  
29 March 2016



**Najib melihat Resolusi Majlis Perdana Ulama Umara 2016 yang diserahkan oleh Pengerusi Sekretariat Ulama-Umara Malaysia, Datuk Jailani Ngah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Yang turut hadir (dari kiri), Ali, Ahmad Zahid; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Jamil Khir.** (FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

# Skor Indeks Syariah Malaysia 75.42 peratus

BH-29/3/2016

» 8 prestasi  
bidang utama  
pentadbiran  
negara diukur  
melalui kajian  
saintifik

Oleh Mohd Hamizar Hamid,  
Irwan Shafrihan Ismail  
dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya:

**M**alaysia mencapai skor 75.42 peratus dalam Indeks Syariah Malaysia bagi 2015, iaitu pematuhan syariat Islam dalam urusan pentadbiran negara.

Indeks itu yang julung kali dikeluarkan dalam sejarah sistem pentadbiran negara dirangka untuk menjadi penanda aras sejauh mana kerajaan melaksanakan prinsip syariah dalam pemerintahannya.

Ia juga bertujuan untuk membuat perancangan bagi menambah baik kekurangan dalam pelaksanaan pentadbiran kerajaan pada masa depan supaya selaras dengan tuntu-

tan prinsip asas Islam iaitu maqasid syariah.

Lima elemen utama dalam maqasid syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Indeks Syariah Malaysia adalah penilaian yang menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpama di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mengumumkannya, berkata nilai indeks syariah itu adalah berdasarkan pencapaian lapan bidang utama pentadbiran negara yang dibuat melalui penyelidikan yang komprehensif dan saintifik.

Lapan bidang itu adalah pendidikan, perundangan Islam, politik, kesihatan, ekonomi, budaya, sosial serta prasarana dan persekitaran.

**Penyelidikan enam bulan**

"Indeks yang kali pertama di dunia seumpamanya ini, adalah berdasarkan hasil dapatan penyelidikan yang berjalan enam bulan di seluruh Malaysia dengan tenaga kepakaran 133 penyelidik dalam pelbagai disiplin ilmu," katanya.

Najib berkata demikian ketika merasmikan Majlis Perdana Ulama-Umara 2016 dan Pembentangan Laporan Indeks

Syariah Malaysia 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam. Majlis bertemakan Ulama-Umara Wahana Kesejagatan Maqasid Syariah turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib berkata, berdasarkan penyelidikan itu Indeks Syariah Malaysia dalam bidang pendidikan adalah 82.5 peratus, perundangan Islam (87.19 peratus) dan ekonomi sebanyak 65.27 peratus.

"Apa yang menarik, daripada rumusan penyelidikan ini adalah usaha memartabatkan Islam dalam bidang ekonomi yang dilaksanakan oleh pemerintah adalah baik iaitu 76.25 peratus," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, nilai skor bidang politik adalah 79.19 peratus, manakala dapatan bagi kesihatan pula 73.92 peratus.

Katanya, kajian juga merumuskan penanda aras Indeks Syariah negara ini dalam bidang sosial adalah 68.52 peratus, manakala bidang budaya 66.47 peratus.

"Dalam konteks kajian Indeks Syariah untuk prasarana dan persekitaran mendapat skor 62.31 peratus," katanya.

Najib yakin Indeks Syariah ini akan menjadi medium terbaik untuk menyatupadukan rakyat dalam konteks negara Islam yang sebenar.

"Indeks Syariah itu sendiri bersifat universal dan boleh diterima oleh masyarakat bukan Islam," katanya.

**Tambah baik kekurangan**  
Najib berkata, hasil penyelidikan yang diperoleh mendorong kerajaan untuk melipatgandakan usaha mensejahterakan kehidupan rakyat dan menambah baik kekurangan yang ada.

Katanya, hasil kajian itu serta semua pandangan rakyat akan diteliti sebaik mungkin bersama agensi pelaksana terbabit.

• Maqasid syariah sesuai untuk semua masyarakat - Rencana 30

• Indeks Syariah Malaysia demi kelestarian sejagat - Rencana 31